

Perundangan Koperasi:

Peraturan-Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pendidikan)1998*

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 57(2) dan perenggan 86(2)(r) Akta Koperasi 1993 [Akta 502], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. **Nama**

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi) 1998.

2. **Tafsiran**

Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

"Jawatankuasa" ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah peraturan 6;

"Kumpulan Wang Amanah" ertinya kumpulan wang amanah yang ditubuhkan di bawah peraturan 3;

"Maktab Kerjasama" ertinya Maktab Kerjasama Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) 1968 [Akta 437];

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah peraturan 6;

"tahun kewangan" ertinya:-

(a) bagi maksud peraturan 14, tempoh dari satu hari bulan Januari hingga tiga puluh satu hari bulan Disember tahun yang sama;

(b) bagi maksud Jadual, tahun kewangan bagi setiap koperasi berdaftar.

3. **Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi**

Maka hendaklah ditubuhkan suatu kumpulan wang amanah yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi.

4. **Sumber kewangan**

Sumber kewangan bagi Kumpulan Wang Amanah hendaklah

daripada mana-mana atau kesemua yang berikut:-

- (a) pembayaran oleh koperasi-koperasi berdaftar akan apa-apa jumlah wang yang ditentukan oleh Menteri mengikut perenggan 57(2)(a) Akta;
- (b) hasil pelaburan di bawah peraturan 11.

5. **Maksud Kumpulan Wang Amanah**

Kumpulan Wang Amanah hendaklah digunakan bagi mana-mana atau kesemua maksud yang berikut:-

- (a) untuk membiayai perbelanjaan berkenaan dengan pengendalian Maktab Kerjasama;
- (b) untuk membiayai perbelanjaan berkenaan dengan kajian mengenai pergerakan koperasi;
- (c) untuk membiayai perbelanjaan berkenaan dengan mengadakan seminar, persidangan atau mesyuarat koperasi, dan penyertaan mana-mana anggota mana-mana koperasi berdaftar atau mana-mana orang lain yang diluluskan oleh Jawatankuasa di seminar, persidangan atau lawatan sambil belajar koperasi di peringkat antarabangsa;
- (d) untuk membiayai perbelanjaan berkenaan dengan kemajuan pendidikan koperasi dalam apa jua bentuk yang difikirkan relevan oleh Jawatankuasa;
- (e) untuk membiayai perbelanjaan berkenaan dengan pentadbiran Kumpulan Wang Amanah.

6. **Jawatankuasa**

- (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa bagi maksud mentadbir Kumpulan Wang Amanah.
- (2) Jawatankuasa itu hendaklah terdiri daripada orang yang berikut:-
 - (a) Ketua Setiausaha bagi Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi sebagai Pengerusi;
 - (b) Ketua Pendaftar sebagai Timbalan Pengerusi;
 - (c) Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi;

- (d) Pengarah Audit dan Akaun Jabatan Pembangunan Koperasi;
 - (e) Pengarah Pengawalan Jabatan Pembangunan Koperasi sebagai Setiausaha;
 - (f) Pengetua Maktab Kerjasama;
 - (g) seorang wakil dari Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi;
 - (h) empat orang daripada kalangan anggota Lembaga koperasi berdaftar dan yang dilantik oleh Menteri.
- (3) Semasa ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi hendaklah melaksanakan tugas Pengerusi.

7. Tempoh perlantikan

Seseorang anggota Jawatankuasa yang disebut dalam perenggan 6(2)(h) hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatan atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

8. Terhenti menjadi seorang anggota Jawatankuasa

- (1) Seseorang anggota Jawatankuasa yang disebut dalam perenggan 6(2)(h) adalah terhenti menjadi anggota:-
- (a) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi;
 - (b) jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri;
 - (c) jika dia terhenti menjadi anggota Lembaga sesuatu koperasi berdaftar; atau
 - (d) dalam mana-mana hal keadaan yang berikut:-
 - (i) jika dia telah disabitkan atas kesalahan yang melibatkan fraud, penipuan, pecah amanah, jenayah atau apa-apa kesalahan yang melibatkan kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) jika dia merupakan orang yang tak sempurna akal atau selainnya tak berupaya untuk melaksanakan kewajibannya;

(iii) jika dia telah diisytiharkan bankrap.

- (2) Seseorang anggota Jawatankuasa yang disebut dalam perenggan 6(2)(h) boleh meletakkan jawatan sebagai anggota Jawatankuasa dengan memberikan notis secara bertulis kepada Menteri.

9. Fungsi Jawatankuasa

Jawatankuasa hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:-

- (a) Menimbang dan meluluskan apa-apa perbelanjaan di bawah perenggan 5(b), (c), (d) atau (e) dan membuat pembayaran baginya;
- (b) menimbang dan meluluskan pembayaran kepada Maktab Kerjasama;
- (c) memastikan bahawa semua pembayaran yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah adalah bagi maksud di bawah perenggan 5(b), (c), (d) atau (e);
- (d) memberikan apa-apa arahan yang disifatkan perlu mengenai penggunaan wang dalam Kumpulan Wang Amanah.

10. Mesyuarat Jawatankuasa

- (1) Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dipanggil oleh Pengerusi sekurang-kurangnya sekali setahun.
- (2) Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa adalah lima orang.
- (3) Semasa ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat.
- (4) Semua keputusan pada mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dibuat dengan undi majoriti biasa semua anggota Jawatankuasa yang hadir dan mengundi dan jika terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.
- (5) Tertakluk kepada Peraturan-peraturan ini, Jawatankuasa boleh menetapkan tataranya sendiri berhubung dengan mesyuaratnya.

11. Pelaburan

Tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa, wang dalam Kumpulan Wang Amanah boleh, setakat yang wang itu tidak dikehendaki untuk dibelanjakan bagi maksud di bawah Peraturan 5, dilaburkan atau didepositkan:-

- (a) dalam mana-mana bank di Malaysia;
- (b) dalam mana-mana sekuriti Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri;
- (c) dalam mana-mana syer terbitan awam;
- (d) dalam mana-mana koperasi berdaftar yang menjalankan perniagaan pembiayaan;
- (e) dalam pembelian tanah dan bangunan;
- (f) dalam apa-apa bentuk lain pelaburan yang dibenarkan oleh undang-undang bagi pelaburan Kumpulan Wang Amanah; atau
- (g) dalam apa-apa bentuk lain pelaburan yang disifatkan patut oleh Jawatankuasa dan yang berfaedah bagi pergerakan koperasi.

12. Caruman kepada Kumpulan Wang Amanah

Caruman kepada Kumpulan Wang Amanah adalah apa-apa jumlah wang yang ditentukan oleh Menteri mengikut perenggan 57(2)(a) Akta dan yang diperihalkan dalam Jadual.

13. Pembayaran daripada Kumpulan Wang Amanah

- (1) Semua pembayaran yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah hendaklah bagi maksud yang disebutkan dalam peraturan 5 dan hendaklah disokong dengan baucar yang diperakui oleh Pengerusi atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa olehnya.
- (2) Akaun-akaun Kumpulan Wang Amanah hendaklah pada setiap masa dipastikan ada wang di dalamnya dan di bawah hal keadaan apa pun tidak sekali-kali boleh terlebih keluar.

14. Akaun dan Audit

- (1) Pengarah Audit dan Akaun Jabatan Pembangunan Koperasi hendaklah menyimpan akaun dan rekod lain yang sepatutnya berkenaan dengan pengendalian Kumpulan Wang Amanah dan hendaklah menyediakan penyata-penyata akaun berkenaan dengan setiap tahun kewangan.
- (2) Akaun-akaun Kumpulan Wang Amanah hendaklah diaudit pada setiap tahun oleh Ketua Audit Negara atau seorang juruaudit, yang merupakan juruaudit syarikat

yang diluluskan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965[Akta 125], yang dilantik oleh Jawatankuasa.

- (3) Selepas berakhir setiap tahun kewangan, sebaik sahaja akaun-akaun telah diaudit, Pengerusi hendaklah menyebabkan suatu salinan penyata akaun itu dikemukakan kepada Menteri berserta dengan suatu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit yang dilantik di bawah subperaturan (2) tentang penyata akaun itu.

15. Pemotongan Bahagian XI

Bahagian XI Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 [P.U.(A) 551/95] adalah dipotong.

16. Kecualian

- (1) Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan di bawah Bahagian XI Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 hendaklah disifatkan telah ditubuhkan di bawah Peraturan-peraturan ini.
- (2) Apa-apa daftar yang disimpan dan diselenggara di bawah Bahagian XI Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada daftar yang bersamaan di bawah Peraturan-peraturan ini.

**JADUAL
(Peraturan 12)**

Menurut perenggan 57(2)(a) Akta dan peraturan 12 Peraturan-peraturan ini, Menteri telah menentukan bahawa 2% daripada untung bersih teraudit bagi setiap tahun kewangan yang diperolehi oleh tiap-tiap koperasi berdaftar ialah jumlah wang yang kena dibayar oleh koperasi berdaftar itu kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi.

Dibuat 29 September 1998.
[KTPK (S) 07/49/4/1/2 Jld. 4; PN. (PU2) 527/V.]

DATO OSU BIN HAJI SUKAM,
Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi